



Warga Palestin memegang bendera dan berlari melepasi asap gas pemedih mata ditembak oleh rejim Israel ketika mereka melakukan bantahan di lintasan Erez yang ditutup semula, kelmarin.

BERITA HARIAN 6/9/18 M/S 72

ISU KETEGANGAN SEMPADAN ISRAEL-PALESTIN

Spanyol kritik Washington

➔ Anggap AS hilang peranan jadi pengantara konflik Palestin

► Madrid

Menteri Luar Sepanyol, Josep Borell dan rakan sejawatan beliau dari Palestin, semalam memberi amaran bahawa Washington bakal hilang peranan tradisi sebagai pengantara dalam konflik Israel-Palestin kerana menyokong Israel.

"Saya kesal dengan tindakan Amerika Syarikat (AS) yang

semakin kehilangan peranan pengantara yang diyakini kedua-dua pihak, selepas bertahun-tahun menyumbang kepada proses damai.

"Saya dimaklumkan menteri mengenai kebimbangan beliau berhubung situasi ini, ia memberi kesan apabila AS mengambil pendirian selari dengan Israel," kata Borell pada sidang media bersama Riyad al-Maliki.

Presiden AS, Donald Trump sebelum ini berjanji untuk membentangkan pelan damai Israel-Palestin dengan menyatakan beliau mahu mencapai perjanjian mutlak.

AS terima pendirian Israel

"Gambaran dilihat ketika ini adalah pentadbiran AS mengambil keputusan untuk menjadi sebahagian daripada masalah,



Saya kesal dengan tindakan Amerika Syarikat (AS) yang semakin kehilangan peranan pengantara yang diyakini kedua-dua pihak, selepas bertahun-tahun menyumbang kepada proses damai"

Josep Borell,
Menteri Luar Sepanyol

bukan sebahagian daripada penyelesaian.

"AS melihat konflik ini menerusi kaca mata Israel, mereka menerima pendirian Israel," kata Maliki sambil menggesa komuniti antarabangsa supaya mengambil langkah untuk menyelamatkan proses damai.

Kedua-dua menteri itu mengeluarkan kenyataan terbabit sebagai tindak balas kepada pengumuman AS, Jumaat lalu bahawa ia akan menamatkan sumbangan dana kepada agensi pelarian Palestin di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), UNWRA.

Bulan lalu, AS turut menyatakan bahawa ia membatalkan lebih AS\$200 juta (RM830 juta) bantuan dua hala kepada penduduk Palestin di Gaza dan Tebing Barat.

AFP